



MPSJ.RK.PS-24/01

PINDAAN : 02

TARIKH KUATKUASA : 2 DISEMBER 2013

**BORANG MAKLUMBALAS
KETUA JABATAN TERHADAP CADANGAN / KOMEN PELANGGAN
BULAN DISEMBER TAHUN 2013**

BIL	TARIKH	BUTIRAN PELANGGAN	CADANGAN / KOMEN PELANGGAN	JABATAN / BAHAGIAN	MAKLUMBALAS
1.	02.12.2013	M.Ruzaina Sri Sentosa	-	-	Tiada
2.	02.12.2013		Apa yang ada dalam website tidak sama apabila di kaunter.Penerangan dalam phone pun tidak sama di kaunter. Ini menyusahkan orang ramai yang datang ke MPSJ. Semua maklumat / Notis sila nyatakan di website. TQ	Hasil	Terima kasih di atas aduan tersebut. Pihak kami akan mengemaskini website MPSJ. Sekian, terima kasih.
3.	02.12.2013	Ellencheran Devendran 41200 Klang	Sila betulkan waktu urusan pada hari Sabtu dari 8.00 pagi ke 9.00 pagi . Sekian, terima kasih.	Hasil	Telah maklumkan kepada Jabatan Penguatkuasaan secara lisan pada 2/12/2013
4.	03.12.2013	Bukhari Abu Bakar 47500 Subang Jaya	Saya mencadangkan supaya para petugas di kaunter mengurangkan aktiviti melayan panggilan-panggilan telefon peribadi (handphone) semasa menjalankan tugas sebaik saja pelanggan duduk. Pengalaman saya, setelah no. giliran saya dipanggil, saya bergegas di kaunter berkaitan. Malangnya, petugas masih tidak berhenti melayani panggilan telefon dan ini mendatangkan keadaan tidak	Hasil	Terima kasih di atas aduan tersebut. Teguran telah diberikan kepada semua petugas kaunter. Pihak kami akan memantau disiplin kakitangan kaunter agar kejadian ini tidak berulang. Sekian, terima kasih.



BIL	TARIKH	BUTIRAN PELANGGAN	CADANGAN / KOMEN PELANGGAN	JABATAN / BAHAGIAN	MAKLUMBALAS
			selesa kepada saya yang duduk terhegeh-hegeh menanti layanan petugas tersebut. (Tarikh kejadian 11.45 am, 3/12/2013)		
5.	03.12.2013	Karen Sunway	Tiada mesin fotostat. Satu urusan kena datang banyak kali.	Hasil	Pihak kami akan cuba menyediakan perkhidmatan Mesin fotostat di MPSJ.
6.	03.12.2013	Ho Teck Chee Bandar Utama	<i>Friendly Efficient Effective</i>	Hasil	Terima kasih di atas penghargaan pihak tuan / puan
7.	03.12.2013	Tan Saw Im	Ambil nombor tapi kena tunggu lama.	Hasil	Untuk makluman pihak tuan bulan Disember adalah musim puncak bagi urusan pembaharuan lesen perniagaan. Walau bagaimanapun, pihak kami telah menyediakan kemudahan perkhidmatan online dan kios bayaran untuk mempercepatkan urusan pihak tuan.
8.	12.12.2013	Chow Sook Woon Puchong Hartamas	Parking di USJ 10 tidak membenarkan masuk duit lebih dari 1 jam. Ini menyusahkan kita yang pergi <i>gym</i> atau <i>facial</i> . Sekurang-kurangnya membenarkan 4 jam. Saya tidak berpuas hati kena bayar saman kerana bukan salah saya tidak mahu masuk duit tapi mesin tak benarkan lebih dari 1 jam.	Hasil	Untuk makluman, pihak Majlis menguatkuasakan bayaran letak kereta di kawasan USJ 10/ Taipan adalah untuk mengelakkan penggunaan petak parkir secara monopoli oleh premis perniagaan serta memberi kelebihan pelanggan-pelanggan premis untuk meletak kenderaan. Pengguna premis perniagaan @ pengguna yang meletak melebihi 1 jam disarankan meletak kenderaan di tempat letak kereta di bangunan di tengah-tengah kawasan USJ 10 yang boleh diletak melebihi 1 jam @ secara bulanan. Sekian, terima



BIL	TARIKH	BUTIRAN PELANGGAN	CADANGAN / KOMEN PELANGGAN	JABATAN / BAHAGIAN	MAKLUMBALAS
					kasih.
9.	12.12.2013	Sazali b. Mookri Seri Kembangan	Perkhidmatan kurang memuaskan.Harap kaunter / persekitaran cantik, servis lambat. Nak renew lesen perniagaan hampir 3 jam lebih membuang masa pelanggan.Staff tidak tahu S.O.P nak renew lesen perlukan kebenaran merancang- bila pergi ke Jabatan Perancang Bandar pegawai kata tidak perlu. Harap ambil perhatian.	Hasil	Terima kasih di atas cadangan tuan. Pihak Majlis sentiasa memperbaiki perkhidmatan di MPSJ.
10.	12.12.2013	Choi	Naik taraf service	Hasil	Terima kasih di atas cadangan tersebut. Pihak Majlis sentiasa memperbaiki perkhidmatan di MPSJ.
11.	18.12.2013	Mr. Ho Fee Yong Kajang	<i>Dear Sir, I am not satisfied with the service it takes about 50 min to service me with only 14 people in front of me. I pay under protest the license fee is increased 100%, where else my shops is less than 300sq.meter. Where is the logic? Your good say traders using less than 300 sf meter wish have their licence reduce. TQ.Hope you will have a warga emas centre.</i>	Hasil / Pelesenan	Terima kasih di atas aduan tersebut. Pihak kami akan memperbaiki kelemahan perkhidmatan kaunter. Bagi aduan ini, mohon dipanjangkan ke Jabatan Pelesenan



BIL	TARIKH	BUTIRAN PELANGGAN	CADANGAN / KOMEN PELANGGAN	JABATAN / BAHAGIAN	MAKLUMBALAS
12.	23.12.2013	Zuriati Petaling Jaya Selangor	Saya cadang letak kerusi yang ada sandaran untuk belakang apabila menonton CD/DVD. Terlalu lama menonton membuat tulang belakang sakit. Jarak skrin computer dengan penonton terlalu dekat boleh merosakkan mata. Harap pihak MPSJ membenarkan ahli Hypermedia yang menggunakan laptop tablet dapat menonton U-tube, games yang di blocked, Jangan block u-tube/games. Beri kebebasan	Perpustakaan Subang Jaya	Tuan/Puan Berkenaan dengan penggunaan Youtube, games melalui Wifi, pihak perpustakaan akan memanjangkan perkara ini kepada Jabatan Teknologi Maklumat MPSJ untuk tindakan selanjutnya.
13.	31.12.2013	-	Ikut nombor giliran tapi sudah tunggu satu jam pun belum sampai.	Hasil	Terima kasih di atas aduan tersebut. Pihak kami akan memperbaiki kelemahan perkhidmatan kaunter.
14.	31.12.2013	-	<i>Two counters for semakan pembaharuan lessen perniagaan is not enough especially end of the year. If MPSJ wants to increase cost of business license, provide: More free parking, Faster, competent & more staffs & counter. More efficient ways to renew business license. Online renewing license. It is faster to obtain passport from immigresen! Why cant you be more competent like the immigresen department!</i>	Hasil	Terima kasih di atas cadangan tersebut. Pihak Majlis sentiasa memperbaiki perkhidmatan di MPSJ.



BIL	TARIKH	BUTIRAN PELANGGAN	CADANGAN / KOMEN PELANGGAN	JABATAN / BAHAGIAN	MAKLUMBALAS
15.	31.12.2013	Daneal Azman Pandamaran	Sistem dahulu lagi senang daripada sekarang. Terlalu lambat nak mati. No. giliran dah sampai tapi kena ke kaunter 15/16 <i>then</i> kena tunggu lagi di area kaunter 1-5. Apa hal??	Hasil	Untuk makluman pihak tuan, kadar baru Lesen Perniagaan bagi tahun 2014 memerlukan keluasan lantai premis. Oleh itu, pihak tuan perlu menunggu giliran di kaunter tapisan Lesen iaitu di kaunter 15/16 sebelum ke kaunter bayaran. Sekian, terima kasih.
16.	31.12.2013		<i>Too many protocols. Be learned person not stupid as the Prime Minister</i>	Hasil	Terima kasih di atas aduan tersebut. Pihak kami akan memperbaiki kelemahan perkhidmatan kaunter.
17.	31.12.2013		Lambat gila babi. Tak guna punya MPSJ.	Hasil	Terima kasih di atas aduan tersebut. Pihak kami akan memperbaiki kelemahan perkhidmatan kaunter.